



---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MERANGKAP PENGERUSI BERSAMA CITF**

---

#### **TUJUH LAGI TAMBAHAN PPV BERGERAK DAN JANGKAUAN LUAR DI JOHOR**

Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) diminta menambah sejumlah tujuh (7) lagi PPV bergerak dan jangkauan luar di negeri Johor daripada jumlah sedia ada iaitu 13. Dengan pertambahan 7 lagi PPV jenis ini, jumlah keseluruhan PPV bergerak dan jangkauan luar di negeri Johor meningkat kepada 20. Saya berharap agar jumlah ini dapat direalisasikan sebelum berakhirnya bulan September 2021. Usaha ini adalah selaras dengan komitmen kami bagi program jangkauan (*outreach programme*) iaitu untuk mempercepatkan lagi proses vaksinasi di negeri-negeri yang akan berhadapan musim tengkujuh termasuk negeri Johor.

Sehingga 4 September 2021, sejumlah 175,360 rakyat negeri Johor telah menerima suntikan vaksin di 13 PPV bergerak dan jangkauan luar sedia ada. Daripada jumlah itu, seramai 89,263 telah menerima dos pertama vaksin, dan 86,097 telah lengkap divaksinasi. Secara keseluruhan 261,457 dos telah diberi di 13 PPV bergerak dan luar jangkauan ini. Sehubungan itu, apabila jumlah PPV bergerak ini ditambah kepada 20, saya percaya lebih ramai rakyat negeri Johor khususnya di luar bandar akan mendapat suntikan vaksin dalam tempoh terdekat. Untuk rekod, terdapat sebanyak 364 Pusat Pemberian Vaksin di negeri Johor dengan jenis berbeza.

Untuk makluman, di peringkat nasional, setakat 4 September 2021, sebanyak 36.1 juta suntikan dos telah diberikan di seluruh Malaysia di mana 20.4 juta individu telah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin, manakala 15.77 juta lagi telah lengkap divaksinasi. Ini menjadikan peratusan populasi dewasa yang telah lengkap divaksinasi di seluruh Malaysia adalah sebanyak 67.4 peratus.

Di negeri Johor sahaja, sebanyak 3.68 juta suntikan dos telah diberi kepada 2.25 juta penduduk bagi dos 1 dan 1.42 juta dos yang kedua. Setakat ini, Johor mencatatkan sebanyak 83.1 peratus daripada populasi dewasa yang telah menerima sekurang-kurangnya dos 1 dan 52.6 peratus yang lengkap divaksinasi.

Kadar purata vaksinasi harian di Johor sepanjang tujuh hari lalu adalah 59,683 dan semalam sahaja, sebanyak 59,240 dos diberikan di seluruh negeri Johor.

Sepertimana diketahui ramai, bekalan vaksin yang diperolehi negara adalah bergantung kepada stok di peringkat global. Sukacita dimaklumkan, negeri Johor kini merupakan negeri kedua menerima bekalan vaksin terbanyak pada bulan Ogos 2021 di mana sebanyak 2.105 juta dos telah dibekalkan; 1.04 juta dos Pfizer, Sinovac 856 ribu dan AstraZeneca 203 ribu.

Sementara itu, pada bulan September 2021, Johor masih menjadi negeri kedua yang akan menerima jumlah vaksin terbesar sebanyak 1.984 juta; 1.82 juta dos Pfizer, 100 ribu dos Sinovac, 40 ribu dos AstraZeneca dan 22 ribu dos CanSino.

Dengan jumlah bekalan ini, saya pasti usaha pemvaksinan di Johor akan dapat dipertingkatkan lagi. Saya juga ingin menyeru agar pihak CITF di Johor dapat memastikan kapasiti dan tenaga kerja yang mencukupi di seluruh negeri agar usaha vaksinasi seharian dapat dijalankan dengan baik dan tanpa sebarang gangguan.

Sekian, terima kasih.

**#KeluargaMalaysia**  
**#BekerjaBersamaRakyat**  
**#LindungDiriLindungSemua**

**Dato' Sri Dr. Adham Baba**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi  
merangkap Pengerusi Bersama CITF  
5 September 2021

**MAKLUMAT VAKSINASI DI NEGERI JOHOR MENGIKUT DAERAH  
SETAKAT 4 SEPTEMBER 2021**

Daerah	Individu dewasa yang berdaftar	Dos 1 yang diberikan	Dos 2 yang diberikan	Peratusan Dos 1 (berdasarkan pendaftaran)	Peratusan Dos 1 (berdasarkan populasi)
Batu Pahat	325,066	292,029	199,015	89.8	87.3
Johor Bahru	1,195,121	913,797	552,477	76.5	81.1
Kluang	203,517	170,661	113,682	83.9	69.7
Kota Tinggi	157,975	133,290	74,630	84.4	85.9
Kulai	227,440	176,713	88,092	77.7	85.8
Mersing	49,202	42,848	27,734	87.1	75.2
Muar	223,288	202,110	162,714	90.5	101.1
Pontian	121,024	103,571	55,375	85.6	82.7
Segamat	135,813	120,583	68,643	88.8	78.8
Tangkak	102,020	97,566	84,504	95.6	88.5
<b>JUMLAH</b>	<b>2,740,466</b>	<b>2,253,168</b>	<b>1,426,866</b>		